



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil. 05/2022

### **MAKLUMBALAS BERHUBUNG DAFTAR PEMILIH PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI JOHOR KE-15**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mewartakan **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Disember Tahun 2021 (DPT BLN12/2021)** pada **14 Januari 2022** dan **Daftar Pemilih Induk 2021 (DPI 2021)** pada **17 Januari 2022**. Bermula dari tarikh-tarikh pewartaan tersebut, DPT BLN12/2021 dan DPI 2021 terbuka untuk disemak melalui beberapa kaedah semakan yang disediakan seperti dimaklumkan oleh SPR melalui Kenyataan Media bertarikh 14 Januari 2022.
  
2. Kaedah semakan yang disediakan adalah secara dalam talian seperti berikut:
  - a. Portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my>;
  - b. Aplikasi dalam talian di pautan <https://mysprsemak.spr.gov.my>;
  - c. Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**;
  - d. Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>.

3. Di samping itu, SPR juga menyediakan kemudahan semakan secara dalam talian di <https://myspr.spr.gov.my>, dimana pemilih berdaftar yang mempunyai akaun MySPR (sebelum ini dinamakan MySPR Daftar) juga boleh menyemak senarai nama pemilih dalam DPT BLN12/2021 bagi bahagian pilihan rayanya.
4. Selain semakan tersebut, sebagaimana diperuntukkan di bawah **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002**, SPR juga dibenarkan menjual daftar pemilih termasuklah **DPT BLN12/2021 dan DPI 2021 *hardcopy* dan *softcopy***. Daftar pemilih *softcopy* boleh didapatkan dalam dua format berbeza iaitu format ***portable document format (pdf)* atau *format microsoft access (mdb)*** dengan kadar harga yang telah ditetapkan. Daftar pemilih boleh dibeli melalui Ibu Pejabat SPR di Putrajaya atau di semua Pejabat Pilihan Raya Negeri.
5. Bagi maksud **Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Johor Ke-15**, SPR telah mengumumkan bahawa **Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)** bagi PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 mula **dijual pada 21 Februari 2022** juga melalui Ibu Pejabat SPR di Putrajaya atau di Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor.
6. **SPR sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab serta fungsi-fungsinya dan salah satunya urusan penyediaan daftar pemilih** yang kini diperakukan dan diwartakan secara bulanan.

7. SPR menegaskan bahawa pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik bagi warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas adalah berdasarkan maklumat warganegara yang diterima daripada Jabatan Pendaftaran Negara.
8. SPR menasihatkan kepada semua bakal pengundi PRU Dewan Negeri Johor ke-15 untuk membuat semakan maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka di pautan <https://mysprsemak.spr.gov.my>, atau aplikasi mudah alih **MySPR Semak** atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui aplikasi MySPR Semak. Semakan boleh dibuat mulai 21 Februari 2022 (Isnin).

Sekian dan terima kasih.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
22 Februari 2022 / 20 Rejab 1443H